Antara tokoh-tokoh yang menyumbang ke arah pra-pendidikan ialah Dr Maria Montessori (1870-1952) yang telah merumus satu kaedah pembelajaran yang mempunyai pengaruh besar ke atas pendidikan pada abad ke-20. Dr Maria Montessori telah mewujudkan satu Kaedah Montessori setelah bertahun-tahun menjalankan kajian ke atas kanak-kanak.

5.1.1.2 Kaedah Montessori

Mengikut kaedah Montessori, ia mengamalkan pendidikan langsung iaitu tidak memaksa atau membiarkan kanak-kanak berseorangan semasa permainan bebas. Cara ini menyediakan persekitaran terancang dan tersusun rapi bagi membolehkan kanak-kanak membesar dan mempelajari sesuatu di bawah keadaan semulajadi selain berpeluang mencapai potensi maksimumnya. Enam komponen asas sekitaran termasuklah:

- i) Kebebasan: kanak-kanak dapat bergerak bebas dalam bilik darjah Montessori, berbual dengan kanak-kanak lain, bekerja dengan bahan pilihannya atau meminta guru mengenalkan kepadanya bahan baru. Bagaimanapun anak ini tidak bebas mengganggu kanak-kanak lain

- yang sedang bekerja atau merosakkan bahan yang amat penting kepada mereka semua.
- ii) Kenyataan dan alam semulajadi: kanak-kanak sepatutnya membesar di bawah keadaan yang rapat dengan alam.
 - iii) Kesedaran sosial: Menerusi kebebasan pergerakan dan juga latihan Montessori untuk menjaga keadaan persekitaran.
 - iv) Susunan: kanak-kanak berasa selesa dalam struktur persekitaran yang teratur. Dengan mengadakan persekitaran sedemikian, kanak-kanak berasa senang untuk memahami dunia luar.
 - v) Keindahan: Keadaan persekitaran sepatutnya mudah, bersih dan cantik dipandang
 - vi) Bahan untuk Kaedah Montessori: Bahan ini merupakan bahan asas pendidikan persekitaran. Contoh bahan adalah seperti rod nombor, kad kertas pasir matematik, rod nombor dan kad nombor, kod spindle, permainan zero/sifar, kad dan pengira dan lain-lain.

5.1.1.3 Kajian kes: Tadika Murni, Vista Angkasa

Saya telah menjalankan kajian di sebuah prasekolah iaitu Prasekolah Murni yang terletak di Vista Angkasa. Prasekolah tersebut merupakan salah satu cawangan Prasekolah Murni dan cawangan pusatnya terletak di Seremban, Negeri Sembilan.

Prasekolah tersebut menggunakan teknik Montessori di cawangan pusatnya dengan kelengkapan yang pelbagai seperti komputer dan radio. Di cawangan yang terletak di Vista Angkasa, prasekolah tersebut hanya mempunyai kelengkapan asas sahaja seperti “whiteboard” , meja, kerusi, dan papan kenyataan. Walau bagaimanapun, kaedah Montessori ada diterapkan serba sedikit di prasekolah berkenaan. Setelah menemuramah guru prasekolah di sana yang bernama Nurshellyna, beliau menyatakan bahawa pada masa sekarang, hampir semua prasekolah mengamalkan suatu program pembelajaran yang digelar ‘cahaya hati’ oleh Prasekolah Murni. Program cahaya hati ini merupakan suatu kaedah mengajar membaca oleh Dr Maria Montessori. Untuk program ini, terdapat beberapa kaedah seperti:

- i) kaedah pandang dan sebut (buku kaedah montessori) : Dengan cara ini kanak-kanak diajar bertindak balas kepada pandangan keseluruhan perkataan bukan kepada komposisi huruf. Guru memperkenalkan kepada kanak-kanak perkataan yang berbentuk perbandingan daripada bentuk yang serupa. Kanak-kanak mendapat perbendaharaan ‘pandangan’.(satu kumpulan huruf yang dia kenal melalui pandangan serta-merta) melalui ulangan dan penemuan perkataan keseluruhan. Cara ini memerlukan ulangan yang selalu, mengakibatkan perlakuan berat kepada ingatan untuk mengingatkan tiap-tiap huruf yang mempunyai paten

sendiri. Cara ini bolehlah diambil kira sebagai atau sebahagian dari cara mengajar membaca. Walau bagaimanapun kanak-kanak belajar membaca melalui menulis dan mengumpul maklumat penting berhubung dengan bunyi huruf daripada belajar mengeja.

- ii) Kaedah Bunyi/Fonik: melalui kaedah ini, huruf tidak dibunyikan dengan namanya tetapi dengan bunyi nilai yang biasa. Kaedah ini adalah untuk membolehkan kanak-kanak membunyikan hasil 'bunyi' huruf-huruf bukan cara mengeja nama huruf-huruf.
- iii) Kaedah fonik-perkataan: 24 huruf rumi mempunyai hubung kait sebanyak 44 dalam bahasa Inggeris dengan cara yang kompleks. Cara ini memerlukan kanak-kanak menganalisis huruf dan bunyi yang biasa. Pada mulanya kanak-kanak belajar mengenal perkataan melalui 'latihan padanan' (gambar dan perkataan). Kemudian, kanak-kanak belajar untuk mengesan bunyi dan huruf. Barulah kanak-kanak mula belajar mula belajar untuk menulis. Kebaikan cara ini ialah kanak-kanak tidak perlu membunyikan huruf secara berasingan – bunyikan dan terus membina perkataan. Hubungkan bunyi huruf.
- iv) Kaedah Pendekatan Pengalaman Bahasa: Cara ini menekankan bahawa bahan bacaan awalan kanak-kanak bukanlah timbul daripada buku-buku tetapi adalah dari rekod penulisan kata-kata

kanak-kanak sendiri. Kanak-kanak mungkin pada mulanya memadankan atau tepak atau salin semula tulisan, tetapi dapat menulis dengan sendirinya. Sehubungan itu, dirumuskan bahawa terdapat pertalian antara percakapan, penulisan dan pembacaan.

Kaedah tersebut memang berkesan terhadap kanak-kanak terutamanya jika diajar oleh guru yang berpengalaman. Ini terbukti apabila saya menerumamah kanak-kanak di prasekolah berkenaan. Didapati hampir semua kanak-kanak berumur 5-6 tahun sudah pandai membaca dengan lancar tanpa perlu mengeja. Untuk kanak-kanak berumur 3-4 tahun mereka sudah pandai membaca abjad A-Z dan sudah mengenali objek dan warna. Namun begitu menurut buku kaedah Montessori, didapati tahap pembelajaran kanak-kanak berbeza mengikut cara mereka belajar iaitu:

- 10% apa yang mereka baca
- 20% apa yang mereka dengar
- 30% apa yang mereka lihat
- 50% apa yang mereka dengar dan lihat
- 70% apa yang mereka sendiri sebutkan
- 90% apa yang mereka sebutkan semasa mereka berbuat sesuatu

Maka di sini boleh dibuat satu kesimpulan iaitu “tiada ada satu kaedah pengajaran yang terbaik, tetapi cara yang terbaik memerlukan berbagai-bagai kaedah”

Dari kajian tersebut ternyata kanak-kanak memerlukan pelbagai deria untuk meningkatkan kebolehan penerimaan ilmu. Namun begitu, dalam arus teknologi yang serba canggih ini, teknologi adalah amat penting untuk didedahkan seawal mungkin kepada kanak-kanak. Dengan mengeksploitasikan teknologi, kanak-kanak bukan sahaja memperolehi ilmu pengetahuan, tetapi mereka juga akan mula memahami serba sedikit teknologi terkini. Teknologi yang melibatkan pelbagai deria atau lebih dikenali sebagai 'multisensory', boleh meningkatkan kebolehan memperoleh ilmu pengetahuan. Ini bersesuaian dengan konsep multimedia digital iaitu ia melibatkan kawalan komputer yang berintegrasi oleh teks, imej, grafik, animasi, bunyi dan medium lain di mana maklumat boleh dipersembahkan, disimpan, dihantar dan di proses secara digital.

Pada masa kini sebenarnya terdapat banyak perisian-perisian yang ada dipasaran tetapi setelah dikaji beberapa perisian seperti The Learning Company dan JumpStart, didapati perisian tersebut kurang sesuai untuk kanak-kanak prasekolah/prasekolah di Malaysia. Ini adalah kerana

- ii) perisian menggunakan Bahasa Inggeris
 - Penggunaan Bahasa Inggeris didapati kurang sesuai kerana kanak-kanak prasekolah di Malaysia kurang menguasai bahasa berkenaan. Keadaan ini

lebih serius bagi kanak-kanak diluar bandar. Saya telah menjalankan kajian keatas kanak-kanak yang mempunyai pencapaian yang sederhana dan mempunyai sedikit pengalaman menggunakan komputer yang masing-masing berumur 7 dan 10 tahun untuk menggunakan dua perisian yang telah saya pilih iaitu The Learning Company dan JumpStart. Saya dapati kanak-kanak yang berusia 7 tahun itu langsung tidak memahami apa yang diperlukan oleh sistem tersebut dan menyebabkan beliau tidak berminat untuk menggunakan perisian berkenaan meskipun galakan telah diberikan. Bagi kanak-kanak berusia 10 tahun itu pula, perisian yang diberikan itu memang menarik minatnya namun beliau perlu serba sedikit penerangan untuk menjalankan aktiviti yang telah disediakan. Meskipun beliau telah berusia 10 tahun namun aktiviti-aktiviti yang disediakan memang mencabar minda beliau. Di sini jelas menunjukkan bahasa memainkan peranan penting untuk memastikan keberkesanan perisian ini.

iii) silibus yang kurang sesuai

- silibus yang disediakan oleh perisian ini adalah kurang sesuai untuk kanak-kanak berumur 3-6 tahun. Ini adalah kerana silibus yang disediakan berdasarkan kanak-kanak di Amerika Syarikat. Untuk kebanyakan kanak-kanak di Malaysia, pembelajaran untuk kanak-kanak bermula ketika berusia 6 tahun, sedangkan kanak-kanak di Amerika telah memulakan

pembelajaran seawal usia 1 tahun. Ini terbukti dengan adanya banyak perisian yang disediakan untuk peringkat umur tersebut.

iv) Kurangnya perisian dalam Bahasa Melayu

- saya telah menjalankan pemerhatian di beberapa kedai yang menjual perisian dan saya dapati tiada perisian untuk kanak-kanak 3-6 tahun dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, saya berpendapat adalah wajar perisian ini dibangunkan dalam bahasa kebangsaan kita untuk mengatasi masalah yang telah dinyatakan.

5.1.1.4 Kesimpulan analisis masalah

Secara keseluruhannya didapati cara pengajaran dan pembelajaran yang diberikan pada kanak-kanak berumur 3-6 tahun memang sudah memadai. Namun dengan mengeksploitasikan teknologi multimedia, kanak-kanak akan boleh belajar dengan lebih berkesan. Walaupun terdapat perisian untuk kanak-kanak di pasaran namun ia kurang sesuai kerana dibangunkan dengan Bahasa Inggeris dan silibus yang agak terkehadapan. Oleh itu, perisian ini iaitu Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak memang wajar dibangunkan untuk mengatasi masalah tersebut.

5.1.2 Analisis keperluan

Dalam fasa ini akan menyatakan apa yang sistem ini perlu buat, tetapi tidak menyatakan bagaimana ia akan dilaksanakan. Tujuan analisis keperluan adalah untuk mengetahui data, proses dan antaramuka yang akan dibangunkan. Ini diperolehi dengan menjalankan soal-selidik, pemerhatian dan penyelidikan kepada pengguna dan pelanggan sistem. Saya juga perlu mendapatkan keperluan fungsi dan keperluan bukan fungsi untuk sistem ini. Masalah bagi peringkat ini adalah agak sukar memisahkan antara apa yang perlu dilakukan dengan bagaimana harus dilakukan.

Saya telah menjalankan kajian dan temuramah ke atas Dr Noraini dari Fakulti Pendidikan dan juga dari pembacaan yang berkaitan. Hasil dari kajian yang telah saya jalankan adalah seperti berikut:

Terdapat tiga bidang utama yang saya perlu ambil perhatian iaitu:

- i) kognitif – Matematik dan Sains. Objektif utama adalah untuk menyelesaikan masalah manipulasi objek Matematik, melukis dan mengetahui asas komputer.
- ii) Bahasa – Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- iii) Sosial – Seni dan Muzik. Umumnya penulisan kanak-kanak prasekolah terdiri daripada lukisan, yang merupakan percubaan untuk melahirkan perasaan.

Muzik pula boleh mengajar kanak-kanak menambahkan perbendaharaan kata secara tidak langsung disamping menggemirakan mereka.

Untuk bahasa ia meliputi membaca dan menulis dari peringkat yang paling asas iaitu mengenal huruf. Ini adalah kerana kita diingatkan bahawa membaca adalah suatu produk ketamadunan bukannya seperti perkembangan fizikal, iaitu suatu fenomena normal. Tetapi kanak-kanak secara umumnya tidak akan belajar membaca mahupun mendapat skil pembacaan jika ia adalah bergantung kepada diri mereka sendiri tidak kira bagaimana banyaknya bahan bacaan yang diberikan oleh guru mereka. Mereka mesti diberikan suatu arahan sistematik berdasarkan suatu diagnosis yang tepat tentang kehendak diri mereka sendiri melalui kehidupan di sekolah.

Untuk pengajaran Matematik, perisian harus menyediakan fungsi tentang konsep asas Matematik iaitu nombor, corak, bentuk, pengukuran, saiz, jumlah isipadu, kapasiti, dan masa. Cara pengajarannya adalah melalui latihan praktikal, perbincangan dan permainan grafik.

Untuk pengajaran lukisan ia adalah untuk mengenal dan mewarna. Ia juga melibatkan serba sedikit kemahiran mengenal objek.

Untuk setiap subjek yang telah dinyatakan pengajaran atau permainan haruslah mengikut tahap-tahap tertentu dari yang paling mudah ke susah. Ini adalah untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang mempunyai pencapaian yang rendah dan juga mengambil kira faktor usia.

Keperluan fungsi lain yang perlu diambil kira ialah:

- i) kawalan kanak-kanak
 - kanak-kanak yang menentukan aliran dan arah perisian itu, bukannya komputer
 - kanak-kanak boleh menentukan kemajuan tahap permainan.
 - Perisian membenarkan kanak-kanak untuk keluar(escape), kembali ke menu utama pada bila-bila masa yang mereka mahu
 - Visual dan suara (audio) akan membantu
 - Kanak-kanak boleh menyimpan dan mencetak hasil kerja yang tertentu jika mereka mahu.
- ii) arahan yang jelas
 - arahan suara adalah amat penting untuk membantu kanak-kanak
 - arahan/ petunjuk senang dan tepat

- arahan diberikan dengan visual / pilihan 'help'
- masukkan pilihan gambar untuk menjadikan pilihan yang lebih jelas kepada kanak-kanak.

iii) pertambahan kesusahan / kompleksiti bagi tahap-tahap yang disediakan

- memerlukan persekitaran yang menarik
- mempunyai potensi untuk mengajar idea yang penting dan berguna untuk kanak-kanak.

iv) keupayaan untuk berdikari

- kanak-kanak boleh menggunakan perisian ini dengan pengawasan minima dari orang dewasa.
- Pengawasan dan cadangan orang dewasa akan menambah pengalaman kanak-kanak untuk menggunakan komputer.

v) merekod nama kanak-kanak dan juga prestasi mereka.

- sistem haruslah merekod nama kanak-kanak dan juga prestasi kanak-kanak bagi setiap aktiviti yang mereka laksanakan. Ini adalah penting untuk proses penilaian kemajuan kanak-kanak. Jika kanak-kanak mendapat pencapaian yang baik maka perisian ini dianggap berjaya.

Faktor kekangan yang perlu diambil kira ialah :

- i) elakkan pergerakan mata yang banyak
 - perisian ini tidak boleh direka dengan pergerakan mata yang banyak. ini adalah kerana pergerakan mata yang banyak akan mengurangkan kelancaran dan kefahaman. Ini berdasarkan pernyataan adalah amat penting suatu tahap kesukaran suatu bahan adalah bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak tertentu. Terlalu banyak pergerakan mata (terutamanya untuk mereka yang agak lembab) akan mengurangkan kelancaran dan kefahaman.
- ii) penyesuaian untuk peringkat umur
 - perisian ini harus memenuhi keperluan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak yang berusia antara 3 hingga 6 tahun. Ia memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak bukannya kanak-kanak yang cuba menyesuaikan diri dengan perisian ini.
- iii) tiada keganasan
 - perisian harus dikenalpasti tidak mengandungi bahan, objek, karektor atau aktiviti yang ganas.

- Ini adalah kerana kanak-kanak bukan pemerhati pasif, mereka membuatkan ia berlaku.

iv) model dunia nyata

- skala dan warna bagi sesuatu objek adalah realistik, bukan stereotaip.
- Maklumat yang diberi adalah tepat

v) ciri-ciri teknikal

- grafik yang kemas yang realistik yang berwarna-warni yang membolehkan mereka fokus pada objektif pembelajaran
- mencetak membenarkan kanak-kanak mendapatkan produk tentang pengalaman mereka menggunakan komputer

vi) penukaran

- peluang untuk menukarkan objek dan situasi dan mengetahui bagaimana komponen-komponen berbeza memberi kesan kepada dunia mereka.

Penilaian bagi perisian ini boleh dilaksanakan dalam beberapa cara iaitu:

i) perkembangan teknologi

- adakah perisian yang dibangunkan menggunakan teknologi terkini?

- Adalah penting untuk menggunakan teknologi terkini supaya apa yang digunakan dapat memberi sepenuh manfaat kepada kanak-kanak.

ii) Orientasi pembelajaran

- pembelajaran haruslah berorientasikan untuk mendidik kanak-kanak untuk mempelajari konsep-konsep asas dari segi kognitif, sains dan sosial.

iii) tahap perkembangan

- tahap perkembangan atau prestasi kanak-kanak adalah amat penting untuk mengetahui keberkesanan perisian ini. Satu laporan boleh dijanakan dari sistem ini.

iv) tujuan

- setiap tujuan yang dinyatakan perlulah dipenuhi

5.1.3 Analisis keputusan

Untuk fasa ini, saya akan mengenalpasti penyelesaian masalah yang mungkin, menganalisa penyelesaian yang mungkin itu untuk kebolehlaksanaan, dan memberikan suatu sistem yang mungkin. Dari segi kebolehlaksanaan, sistem ini haruslah memenuhi

kombinasi kebolehlaksanaan dari segi teknikal, perjalanan sistem (operational), ekonomi, jadual, dan risiko.

Oleh kerana sistem ini dibangunkan dengan metodologi RAD, peringkat ini akan menyatakan apa yang perlu ada dalam sebuah prototaip sistem dan sistem itu secara umumnya.

Untuk sistem ini, pendekatan multimedia dipilih untuk merekabentuk perisian ini iaitu dengan menggunakan bahasa Java. Dengan teknologi yang ada di dalam bahasa tersebut, perisian ini memang boleh dilaksanakan dengan jaya. Namun begitu untuk peringkat ini sistem ini masih belum lagi dibangunkan menggunakan bahasa tersebut sehinggalah proses pengulangan pembangunan sistem selesai.

Untuk perjalanan sistem ini, terdapat beberapa keperluan fungsi dan bukan fungsi yang penting dan perlu diambil kira iaitu:

- i) sistem yang dibina haruslah mempunyai animasi dan grafik yang menarik.
- ii) Sistem yang dibina haruslah merekodkan nama kanak-kanak.
- iii) Sistem yang dibina haruslah mempunyai butang perintah untuk keluar, rekod pelajar, cetak, tahap, mendengar semula arahan dan simpan aktiviti.

- iv) Sistem yang dibina adalah merangkumi matapelajaran Matematik, Sains, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Seni.
- v) Terdapat lima tahap yang akan disediakan iaitu tahap paling asas ke tahap paling sukar.
- vi) Kanak-kanak pada bila-bila masa sahaja boleh keluar, simpan aktiviti tertentu seperti lukisan, menukar tahap permainan dan mendengar semula arahan.
- vii) Sistem harus ada rekod pelajar untuk membolehkan guru atau ibu bapa menilai pencapaian kanak-kanak tersebut

Sistem ini tidak menghadapi masalah dari segi ekonomi memandangkan segalanya ditanggung oleh saya sendiri. Begitu juga dari segi jadual kerana fasa pembangunan sistem akan bermula pada semester depan.

Dari segi risiko pula, memang terdapat beberapa risiko yang bakal dihadapi oleh sistem ini. Berikut disenaraikan risiko yang mungkin saya hadapi

- i) Masa yang ditetapkan
 - Masa yang telah ditetapkan untuk kursus ini adalah agak singkat kerana perlu dibahagi-bahagikan dengan subjek yang lain, maka perancangan

masa adalah amat penting. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan untuk mencari maklumat yang diperlukan secepat mungkin.

ii) kos yang diperlukan

- Jumlah kos yang diperlukan untuk melaksanakan projek ini adalah tidak ditentukan memandangkan segala-galanya adalah di bawah tanggungan diri saya sendiri. Oleh itu, risiko yang bakal saya hadapi ialah saya perlu menyediakan wang yang secukupnya untuk memastikan projek ini berjaya dilaksanakan.

Secara kesimpulannya, peringkat analisis keputusan bagi metodologi RAD kurang penting kerana pada peringkat rekabentuk kelak, saya boleh menunjukkan sebarang proroaip yang memenuhi segala keperluan fungsi dan bukan fungsi yang telah dinyatakan oleh pengguna dan rekabentuk tersebut bukan kekal kerana sebarang kemungkinan perubahan sama ada dari segi keperluan dan rekabentuk sememangnya telah dijangka. Terdapat beberapa rajah yang telah saya hasilkan iaitu Rajah 4.0: Data Flow Diagram dan Rajah 4.1: Jackson Development. Seterusnya kita akan pergi ke fasa rekabentuk.

6.0 Rekabentuk Logikal

Rekabentuk logikal merupakan rekabentuk asas dan penting. Ia memberi gambaran awal tentang sistem yang akan dibangunkan. Rekabentuk ini meliputi:

6.0.1 Model konseptual

Model konseptual menerangkan keseluruhan konsep yang digunakan dalam pembangunan sistem ini. Ini memberi gambaran kasar tentang kandungan dan konsep yang akan dibina pada peringkat perancangan pembangunan dan dijadikan rujukan semua proses setelah rekabentuk pembangunan dan implementasi. Ini lagi memastikan pembangunan sistem ini adalah berdasarkan konsep yang telah dirancang.

Bab 6:

Rekabentuk


6.0 Rekabentuk Logikal

Rekabentuk logikal merupakan rekabentuk asas dan penting. Ia memberi gambaran awal tentang sistem yang akan dibangunkan. Rekabentuk ini meliputi:

6.0.1 Model konsepsi

Model konsepsi menerangkan keseluruhan konsep yang digunakan dalam pembangunan sistem ini. Ini memberi gambaran kasar tentang kandungan dan konsep yang digunakan. Model konsepsi ini dibina pada peringkat permulaan pembangunan dan dijadikan rujukan semua proses analisis, rekabentuk, pembangunan dan implimentasi. Ini bagi memastikan pembangunan perisian sistem ini adalah berdasarkan konsep yang telah digariskan.

Rajah 6.0.1 Model konsepsi




Rajah 6.0.1 : Model konsepsi

6.0.2 Gambarajah konteks

Sistem ini melibatkan komunikasi di antara pengguna (kanak-kanak) dengan perisian.

Rajah di bawah menunjukkan hubungan dua hala antara pengguna dengan sistem.




Rajah 6.0.2 : Gambarajah konteks

Berdasarkan gambarajah di atas dapat dinyatakan interaksi antara pengguna dan sistem ini. Interaksi ini berlaku semasa melalui setiap kerangka sistem seperti yang telah dinyatakan di atas.

6.0.3 Rajah aliran data


Di dalam rajah 6.3 adalah gambaran secara keseluruhan bagaimana entiti-entiti saling berkait dengan proses serta aliran data pada sistem.



Rajah 6.0.3 : Rajah aliran data

6.0.4 Carta alir


Dalam Pakej Pembelajaran Untuk Kanak-kanak, terdapat beberapa proses yang menguruskan fungsi-fungsi utama sistem ini. Berikut merupakan beberapa proses yang terlibat.



a. Masukkan nama pengguna

Setelah memasuki sistem, bagi tujuan penyimpanan rekod, sistem dimulakan dengan memasukkan nama pengguna sistem. Jika nama pengguna tidak dimasukkan di awal sistem mungkin atas sebab pengguna buta huruf, maka laporan kemajuan pengguna tidak dapat dipaparkan. Namun begitu, untuk kepentingan pengguna, kemasukan nama adalah diwajibkan supaya prestasi pengguna dapat dikenalpasti. Setelah pengguna memasukkan namanya dalam ruang yang telah disediakan, sistem akan menyemak samada nama tersebut adalah sah iaitu hanya huruf sahaja dimasukkan. Rajah dibawah menunjukkan dengan proses di mana memasukkan nama dijalankan.


Rajah 6.0.4(b) menunjukkan aliran proses yang dijalankan dalam kerangka menu utama untuk pergi ke bahagian aktiviti.



Rajah 6.0.4(a) : Carta alir masukkan nama pengguna.

b. memilih aktiviti

Rajah 6.0.4(b) menunjukkan aliran proses yang dijalankan dalam kerangka menu utama untuk pergi ke bahagian aktiviti.




Rajah 6.0.4(b) : Carta alir memilih aktiviti

C. menjana laporan.

Carta alir di bawah menunjukkan bagaiman suatu laporan dijana dari latihan yang telah dilakukan. Laporan hanya akan dipaparkan setelah lima kali soalan dikemukakan.

Ini memudahkan kanak-kanak mengetahui prestasi mereka dan dapat menilai dengan cepat. Pada permulaan aktiviti, jumlah soalan telah diset dengan nilai 0.




Rajah 6.0.4(c) : Carta alir menjana laporan .

6.1 Rekabentuk sistem

6.0.5 Hierarki antaramuka

Hierarki antaramuka adalah rajah yang menerangkan tentang peringkat-peringkat paparan antaramuka yang akan dilalui oleh pengguna sistem. Melalui hierarki antaramuka ini juga, pembangun sistem akan dapat melakar perjalanan suatu sistem dan meneliti segala kesilapan yang mungkin berlaku.



Rajah 6.0.5: Hierarki antaramuka Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak

6.1 Rekabentuk sistem

Rekabentuk sistem merujuk kepada proses bagaimana sesuatu sistem memenuhi keperluan yang telah ditakrifkan semasa fasa analisis. Rekabentuk sistem sangat penting untuk membolehkan sistem mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan berkesan. Proses rekabentuk dibangunkan dengan mempertimbangkan matlumat-matlumat yang perlu diperolehi dari sistem.

6.1.1 Rekabentuk skrin

Skrin adalah antaramuka pengguna dengan sistem. Kanak-kanak akan bergantung kepada antaramuka untuk menggunakan sistem ini. Oleh itu, rekabentuk amat penting dan menjadi asas kepada penggunaan sistem yang baik. Skrin haruslah direka dengan baik, menarik, berwarna-warni dan dalam bentuk yang selesa untuk digunakan oleh pengguna. Selain itu, skrin haruslah mudah difahami oleh pengguna demi memastikan pengguna tidak menghadapi sebarang kerumitan atau kekeliruan semasa menggunakan sistem tersebut.

Dua jenis rekabentuk skrin:

- Skrin input

Skrin ini menunjukkan data yang perlu dimasukkan oleh pengguna. Skrin input mempunyai beberapa ciri-ciri tertentu antaranya:

- skrin tidak mengelirukan pengguna dan arahannya jelas.
- Input mudah dimasukkan dan pembetulan mudah dilakukan
- Bentuknya seperti borang yang ringkas dan mudah difahami.
- Memperuntukkan ruang yang cukup untuk semua data.

▪ Skrin output

Skrin ini memaparkan maklumat yang diperlukan daripada input yang dimasukkan oleh pengguna. ciri-cirinya:

- maklumat yang dipaparkan perlu jelas.
- skrin output yang hampir sama dengan cetakan yang dijana.

6.1.2 Rekabentuk antaramuka

Untuk fasa rekabentuk ini, ia adalah bertujuan untuk mengubah keperluan fungsi dan bukan fungsi dari analisis keperluan kepada spesifikasi rekabentuk untuk dibina. Rekabentuk merupakan `proses` kreatif yang mengubah suatu masalah kepada penyelesaian. Penerangan terhadap penyelesaian juga dipanggil rekabentuk. Rekabentuk menggunakan spesifikasi keperluan untuk menerangkan masalah. Kemudian, kita akan memberi penyelesaian sekiranya ia memenuhi keseluruhan spesifikasi keperluan.

Terdapat dua jenis rekabentuk yang akan dibincangkan dalam bahagian ini iaitu rekabentuk konseptual dan teknikal.

Rekabentuk konseptual menumpu kepada fungsi-fungsi sistem dan rekabentuk teknikal menukar rekabentuk konseptual kepada dokumen yang lebih terperinci. Ia merupakan suatu proses berulang kerana kita sentiasa bergerak dalam aktiviti yang melibatkan pemahaman terhadap keperluan, cadangan penyelesaian yang mungkin dan sebagainya.

6.1.2.1 Rekabentuk konseptual

Untuk rekabentuk konseptual, terdapat beberapa perkara yang akan dibincangkan iaitu

- Dari mana data diperolehi?
- Apa yang akan berlaku kepada data di dalam sistem?
- Bagaimana sistem itu kelihatan kepada pengguna?
- Apa pilihan yang diberikan kepada pengguna?
- Bagaimana rekabentuk skrin dan laporan?

Untuk pemprototaipan sistem, saya telah menggunakan Microsoft Visual Basic. Microsoft Visual Basic sesuai untuk pembangunan pantas yang diperlukan oleh RAD untuk aplikasi Windows. Kemudian, saya telah menggunakan Macromedia Director 8.0 untuk merekabentuk sistem ini.

Sistem ini didapati amat berlainan hasilnya dengan apa yang telah saya cadangkan semasa pemprototaipan sistem. Ini adalah kerana rekabentuk terdahulu didapati kurang sesuai dan tidak begitu menepati keperluan yang telah dinyatakan.

6.1.3 Antaramuka yang telah dicadangkan semasa pemprototaipan

Berikut merupakan antaramuka-antaramuka yang telah saya cadangkan pada semester lepas.

6.1.3.1 Antaramuka pertama




Rajah 6.1.3.1: Antaramuka pertama bagi pakej pembelajaran ini.

6.1.3.2 Rekabentuk kedua: Memilih umur kanak-kanak



Rajah 6.1.3.2: Untuk memilih umur kanak-kanak

6.1.3.3 Rekabentuk ketiga: Memasukkan nama kanak-kanak



Rajah 6.1.3.3: Antaramuka utama untuk sistem yang membenarkan kanak-kanak untuk memilih aktiviti yang sesuai untuk mereka.

6.1 Rekabentuk akhir bagi sistem.

Berikut merupakan rekabentuk akhir bagi sistem yang telah saya bangunkan. Banyak perubahan yang telah saya lakukan untuk lebih memenuhi keperluan pengguna dan menjadikan ia lebih menarik.




Rajah 6.1.1: Muka depan bagi sistem

Merujuk kepada rajah 6.1.1, pengguna boleh memilih untuk bermain, keluar, bantu dan buku kerja sebelum memasuki sistem. Kesemua perkara yang telah dinyatakan akan

disediakan dalam bentuk butang di mana pengguna haruslah menekan butang yang disediakan sebelum memasuki sistem tersebut. Butang “Main” akan membawa pengguna memasuki sistem, butang “Keluar” akan membawa pengguna keluar dari sistem, butang “Bantu” memberi penerangan tentang manual pengguna dan akhir sekali butang “Buku Kerja” akan membawa pengguna ke bahagian buku kerja.


Sebab pengguna sistem harus berhati-hati kerana mereka secara umumnya tidak mengetahui perkara berkenaan. Nama kanak-kanak tersebut seterusnya akan dimasukkan di dalam pangkalan data. Nama pangkalan data adalah sama dengan nama kanak-kanak tersebut.



Rajah 6.1.2 : Masukkan nama

Rajah 6.1.3: Antaramuka Skema Datang

Untuk rangka Masukkan nama , data yang diambil dari pengguna ialah nama. Ini adalah memandangkan pengguna untuk sistem ini adalah kanak-kanak berumur 3-6 tahun maka data yang diperlukan dari mereka harus diminimakan supaya tidak mengganggu minat mereka untuk menggunakan sistem ini. Sebagai contoh, jika sistem ini memerlukan pengguna untuk memasukkan alamat, kad pengenalan, nombor telefon dan lain-lain, tentu pengguna sistem berasa bosan kerana mereka secara umumnya tidak mengetahui perkara berkenaan. Nama kanak-kanak tersebut seterusnya akan disimpan di dalam pangkalan data. Nama pangkalan data adalah sama dengan nama kanak-kanak tersebut. Seterusnya, nama kanak-kanak tersebut akan dipaparkan pada suatu senarai. Oleh itu, jika pada masa lain kanak-kanak tersebut ingin menggunakan sistem ini, kanak-kanak tersebut bolehlah memilih namanya dari senarai yang dipaparkan.



Rajah 6.1.3: Antaramuka Selamat Datang

Untuk antaramuka Selamat Datang, nama pengguna akan dipaparkan. Sebagai contoh, untuk sistem ini, nama penggunanya ialah “Ina”. Nama pengguna diambil dari antaramuka Masukkan Nama.




Rajah 6.1.4: Antaramuka Menu Utama

Antaramuka Menu Utama merupakan antaramuka yang paling penting bagi sistem ini. Terdapat lapan butang yang berada pada menu utama ini. Kategori butang terbahagi kepada dua iaitu butang arahan dan butang aktiviti. Butang-butang arahan terdiri dari butang balik, butang laporan, butang soalan dan butang ulang arahan. Arahan butang Balik bagi Menu Utama akan membawa pengguna ke satu antaramuka lain iaitu antaramuka “Adakah Adik Pasti?”. Tujuan antaramuka tersebut ialah untuk mengelakkan kanak-kanak keluar terus dari sistem ini jika kanak-kanak tertekan butang tersebut. Bagi

butang Laporan, ia akan menunjukkan laporan kemajuan dan pencapaian bagi pengguna. Bagi butang Soalan, ia akan memaparkan manual pengguna. Manakala bagi butang Ulang Arahkan pula, ia akan mengulang semula arahan audio yang telah dinyatakan dalam sistem ini.

Bagi butang aktiviti pula, ia akan membawa pengguna ke mana-mana aktiviti yang telah dipilih. Terdapat empat aktiviti yang telah disediakan iaitu mari mengenal bentuk dan angka, mari mengenal huruf, mari mendengar muzik dan mari mewarna.



Rajah 6.1.5: Contoh salah satu aktiviti iaitu aktiviti mari mengenal bentuk dan angka.

Berdasarkan rajah di atas, ia menunjukkan salah satu daripada aktiviti yang disediakan iaitu mari mengenal bentuk dan angka. Untuk bahagian aktiviti ini, secara umumnya

terdapat 2 atau tiga sub-aktiviti yang disediakan. Sebagai contoh, untuk aktiviti ini, terdapat tiga sub-aktiviti iaitu mari mengenal bentuk dan angka, mari mengenal nombor dan mari belajar mengira. Ketiga-tiga aktiviti tersebut diwakili oleh ikon yang telah disediakan. Pengguna hanya perlu menekan salah satu butang tersebut untuk pergi ke bahagian aktiviti yang dipilihnya. Aktiviti yang disediakan tidak disediakan mengikut peringkat. Ini adalah kerana di Malaysia, biasanya pembelajaran tahap awal bagi kanak-kanak hanya bermula pada umur 6 tahun. Jika kanak-kanak tersebut dimasukkan awal ke sekolah tadika sekalipun iaitu untuk peringkat umur 3-5 tahun, sukatan pembelajarannya secara umum adalah masih sama. Jadi, saya berpendapat pembezaan mengikut peringkat umur tidak perlu dilaksanakan memandangkan sukatan pembelajaran kanak-kanak bagi peringkat umur 3-6 tahun adalah hampir sama.

Seterusnya terdapat 4 butang arahan yang telah disediakan di bahagian bawah kerangka aktiviti berkenaan. Fungsi bagi butang-butang tersebut adalah hampir sama kecuali untuk butang “Balik” di mana butang ini akan membawa kita ke kerangka Menu Utama.

6.2 Rekabentuk Teknikal

Rekabentuk teknikal secara umumnya menerangkan tentang konfigurasi perkakasan, keperluan perkakasan, antaramuka komunikasi, input dan output sistem,

senibina rangkaian dan sebarang perkara yang akan menukarkan keperluan perisian kepada penyelesaian masalah.

6.2.1 Konfigurasi Perkakasan

Perkakasan yang diperlukan untuk sistem ini ialah sebuah komputer multimedia iaitu komputer yang menyokong penggunaan audio, video, imej, grafik dan lain-lain. Monitornya pula adalah berjenis RGB.

6.2.2 Keperluan perkakasan

Perkakasan tersebut haruslah menggunakan Windows 98 dan seterusnya sebagai sistem operasi. Pemprosesnya pula haruslah sekurang-kurangnya Pentium II untuk mendapatkan gambar dan pergerakan yang sempurna untuk aplikasi multimedia.

6.3 Kesimpulan

Proses untuk menyiapkan sistem ini memerlukan tahap kreativiti yang tinggi. Setiap masalah boleh diselesaikan dengan pelbagai cara bergantung kepada seseorang individu. Oleh sebab itu, berlakunya pertukaran pada bahagian rekabentuk antaramuka sistem ini.

Pada mulanya, sistem ini ingin dibangunkan menggunakan perisian Java kerana kelebihan perisian tersebut dapat menyempurnakan sistem yang akan dibangunkan.

Tetapi memandangkan kepada kesukaran dari penggunaannya yang dikesan oleh penasihat dan juga moderator maka pembangunan sistem ini akan dibangunkan menggunakan Macromedia Director.

Diharap sistem ini dapat berfungsi seperti mana yang dikehendaki dan dirancang. Perancangan dalam membangunkan sistem ini sedang diteliti untuk menghindari dari kesilapan yang tidak diingini.

Bab 7: Pelaksanaan

Sistem

7.0 PELAKSANAAN SISTEM

Pelaksanaan sistem atau implementasi sistem dijalankan dengan merujuk kepada rekabentuk sistem yang disetujui pada fasa analisis dan rekabentuk. Rujukan ini amat penting untuk memastikan pembangunan sistem mematuhi segala keperluan yang harus wujud dalam sistem tersebut. Oleh yang demikian, perkara utama dan terpenting dalam fasa ini adalah pengkodan yang membolehkan sistem berjalan set mengikut rekabentuk.

Bab 7: Pelaksanaan

7.1 Pengkodan sistem

Sistem

Ini banyak memerlukan daya kreativiti bagi pengaturcaraan. Rekabentuk adalah panduan untuk pengaturcaraan untuk membuat sesuatu komponen dalam sesuatu sistem. Pemrograman rekabentuk yang berjaya mampu menghasilkan suatu pengkodan yang menarik. Ini dapat ditunjukkan kepada pengaturcaraan yang ada dikehendaki dalam mengimplementasikan rekabentuk kepada kod. Rekabentuk dan spesifikasi keperluan mungkin akan menggunakan bahasa pengaturcaraan.

Dalam aspek pengkodan, setiap komponen program melibatkan tiga aspek utama:

- Struktur kawalan
- Algoritma

7.0 PERLAKSANAAN SISTEM

Perlaksanaan sistem atau Implementasi sistem dijalankan dengan merujuk kepada rekabentuk sistem yang disediakan pada fasa analisis dan rekabentuk. Rujukan ini amat penting untuk memastikan pembangun sistem mematuhi segala keperluan yang harus wujud dalam sistem tersebut. Oleh yang demikian, perkara utama dan terpenting dalam fasa ini adalah pengkodan yang merupakan senarai susunan set aturcara yang melarikan program.

7.1 Pengkodan sistem

Pengkodan sistem ini banyak melibatkan daya kreativiti bagi pengaturcara. Rekabentuk adalah panduan untuk fungsi atau tujuan sesuatu komponen dalam sesuatu sistem. Perancangan rekabentuk yang tersusun mampu menghasilkan suatu pengkodan yang menarik. Ini dapat diperhatikan kepada pengaturcara yang ada fleksibiliti dalam mengimplimentasikan rekabentuk kepada kod. Rekabentuk dan spesifikasi keperluan mungkin akan mencadangkan bahasa pengaturcaraan.

Dalam aspek pengkodan sistem, setiap komponen program melibatkan tiga aspek utama iaitu;

- Struktur kawalan
- Algoritma

- Struktur data

7.1.1 Struktur kawalan

Kebanyakan struktur kawalan untuk komponen dicadangkan dalam senibina dan rekabentuk, maka ia akan diterjemahkan kepada kod. Tidak kira apa jenis rekabentuk, struktur program mesti refleksi rekabentuk struktur kawalan. Banyak panduan dan piawai yang mencadangkan kod ditulis dengan cara di mana pengaturcara mudah membaca komponen dari atas ke bawah. Struktur kawalan haruslah mudah supaya pengguna tidak tersesat semasa membaca kod.

7.1.2 Algoritma

Kita mesti menyeimbangkan masa yang diterima dengan kualiti rekabentuk, piawaian dan keperluan pengguna. Untuk sistem ini, tidak banyak kod yang ditulis. Ini adalah memandangkan Macromedia Director 8.0 merupakan bahasa generasi keempat. Ia lebih banyak melibatkan proses “drag and drop”. Pengkodan tersebut adalah kurang berbanding Java dan mana-mana bahasa generasi ketiga.

Untuk mempercepatkan sistem, kita perlu mengurangkan audio yang digunakan. Kita perlu mempertimbangkan audio yang benar-benar perlu sahaja.

7.1.3 Struktur data

Dalam menulis program, kita mesti format dan simpan data supaya pengurusan data dan juga manipulasi data adalah mudah.

7.1.4 Alatan Pembangunan

Keperluan perkakasan

- Pemproses Pentium III
- 64MB SDRAM
- kapasiti cakera keras 6.4 MB
- Monitor 15 inci (monitor digital)
- Papan kekunci dan tetikus

Alatan pembangunan ini dinilai dari segi setakat mana prestasinya dapat membantu keperluan fungsian, adakah ia mudah digunakan dan kemudahan untuk menyediakan dokumentasi. Pemilihan yang tepat dapat menjamin kesempurnaan perlaksanaan dalam fasa ini berkait rapat dengan alatan pembangunan sistem atau perisian.

Beberapa kriteria penting yang dipertimbangkan dan diberi penekanan dalam pemilihan alatan pembangunan yang bersesuaian ialah:

- Bahasa pengaturcaraan yang dipilih perlu menyokong aplikasi multimedia iaitu audio, video, grafik, imej, teks dan animasi.

- Bahasa pengaturcaraan yang mampu memberikan kemudahan untuk rekabentuk antaramuka pengguna yang bercirikan interaktif dan menarik.
- Bahasa yang digunakan adalah terkini dan sejajar dengan perkembangan teknologi.
- Kemudahan sistem pengoperasian pada persekitaran di mana bahasa pengaturcaraan tersebut boleh dilarikan.
- Ciri-ciri istimewa dan fungsi utama yang mampu ditawarkan oleh alatan pembangunan tersebut.
- Mudah digunakan sama ada dari aspek sintetik dan logikal.
- Wujudnya kemudahan pengesanan dan pengendalian kawalan ralat dan pepijat.
- Pengetahuan asas terhadap konsep dalam bahasa pengaturcaraan tersebut.

Untuk memenuhi kriteria-kriteria yang digariskan, maka Macromedia Director 8.0 dipilih sebagai alatan pembangunan sistem ini. Macromedia Director 8.0 adalah persekitaran yang baik untuk pembangunan perisian berasaskan multimedia dengan teknologi terkini. Ia juga menyokong bahasa Lingo yang berkuasa untuk penggunaan media. Ianya merupakan antara perisian pembangunan multimedia yang mudah untuk digunakan dan juga merupakan salah satu perisian yang hebat. Pengaturcara tidak perlu menjadi pakar untuk membina sistem yang canggih dan menarik kerana pembelajaran bagi sistem boleh dibuat semasa proses pembangunan.

Macromedia Director 8.0 mengandungi pelbagai ciri yang membenarkan aplikasi pembinaan tanpa menggunakan bahasa binaan dalaman. Ini termasuklah "Stage", "Score", "Cast" dan "Script". Macromedia Director 8.0 juga membenarkan pengumpulan semua media termasuk audio, imej, video, grafik, animasi dan lain-lain dikumpulkan dalam satu "movie". Ciri inilah yang menjadikan ia sebagai suatu perisian yang kuat.

Lingo adalah bahasa yang digunakan pada bahagian dalam bersama Macromedia Director. Lingo mempunyai keistimewaannya yang tersendiri iaitu ia tidak mempunyai set bahasa yang banyak tetapi ianya sudah cukup kuat untuk membina sistem yang hebat. Oleh itu, pengaturcara tidak perlu menghafal terlalu banyak kod. Malah, aturcara boleh dibuat tanpa menggunakan kod Lingo tetapi menghasilkan hasil yang memberangsangkan. Ini lebih membuktikan Macromedia Director 8.0 memang perisian yang sesuai dan tepat.

7.1.5 Alatan Grafik

7.1.5.1 Paint

Di dalam perisian Macromedia Director 8.0 sememangnya telah tersedia satu perisian Paint di dalamnya. Paint membolehkan kita mengedit gambar-gambar yang telah diimport secara bitmap serta melukis gambar. Selain itu, saya juga menggunakan perisian Paint yang biasa didapati dari Windows.

7.1.5.2. Paint Shop Pro 7

Saya telah menggunakan perisian ini untuk “menangkap gambar” bagi kerangka yang telah siap saya siapkan. Tujuannya adalah sebagai ikon, laporan dan untuk manual pengguna.

7.1.5.3 Alatan audio

Untuk merekodkan suara, saya telah menggunakan Sound Recorder yang terdapat dalam Windows. Selain itu, saya juga ada mengambil audio dari perisian sedia ada seperti Jump Start Kindergarten dan JumpStart PreSchool. Untuk aktiviti mendengar muzik, saya telah perolehi lagu-lagu tersebut dari pita kaset yang bertajuk Doraemon Sayangku.

7.1.5.4 Sumber-sumber grafik

Kebanyakan grafik, imej dan animasi saya telah perolehi dari internet dan juga perisian sedia ada seperti JumpStart Kindergarten dan PreSchool.

7.1.5.5 Silibus program

Untuk sistem ini, silibus kebanyakannya diperolehi dari Internet., perisian dan buku-buku kerja. Selain itu, saya juga ada merujuk dari guru-guru tadika yang berpengalaman. Saya juga ada menerapkan konsep “cahayaku” yang popular digunakan di tadika masakini. Teknik ini menggunakan gambar dan bunyi. Saya juga ada menerapkan sedikit sebanyak Kaedah Montessori untuk sistem ini.

7.2 Dokumentasi program

Dokumentasi program merupakan satu set penerangan bertulis yang menerangkan kepada pengguna apa yang program itu akan lakukan dan bagaimana ia akan dilaksanakan. Ia terbahagi kepada dua iaitu dokumentasi dalaman dan dokumentasi luaran. Dokumentasi dalaman merupakan material penerangan yang ditulis secara terus kepada kod. Dokumentasi yang lain ialah dokumentasi luaran.

7.2.1 Dokumentasi Dalaman

Dokumentasi dalaman dimasukkan sekali ke dalam kod aturcara.

7.2.2 Dokumentasi Luaran

Dokumentasi program adalah satu set penerangan bertulis yang menerangkan kepada pembaca apa yang program tersebut akan lakukan dan bagaimana ia dilakukan.

Setiap kerangka mempunyai fungsi, subfungsi, pengisytiharan untuk pembolehubah yang digunakan untuk fungsi dan juga untuk membina sebuah "movie". Kemudian ke semua "movie" ini disambungkan untuk membentuk suatu sistem yang lengkap. Secara umumnya terdapat lebih kurang 15 "movie" di dalam sistem ini. Kesemua "movie" disambungkan untuk membentuk sebuah sistem.

Contoh program yang terlibat bagi sistem ini adalah seperti "movie" masukkan nama dan juga "movie" memilih aktiviti. Bagi "movie" masukkan nama, ia berfungsi

untuk menyimpan nama kanak-kanak supaya suatu laporan boleh dijanakan kelak. "Movie" ini direkabentuk untuk berfungsi dengan menyemak nama pengguna supaya hanya huruf sahaja dimasukkan dan ia akan menjana kotak amaran jika selain huruf dimasukkan. Bagi "movie" memilih aktiviti, ia berfungsi untuk memberi pilihan kepada kanak-kanak untuk memilih aktiviti yang mereka kehendaki dari menu utama. Dengan adanya kebebasan bagi kanak-kanak untuk memilih aktiviti yang disukainya, diharapkan kanak-kanak akan lebih berminat dan mudah untuk mempelajari sesuatu.

7.3 Ringkasan

Daripada pelaksanaan sistem yang diterangkan, sistem ini dapat dilaksanakan dengan sempurna menggunakan alatan pembangunan dan teknik aturcara yang dipilih. Ini dapat dilihat berdasarkan perisian ini mudah dilaksanakan dan tidak memerlukan perisian tambahan.

10. PENJAJARAN SISTEM

Pengujian adalah elemen kritikal yang penting dalam proses pengawalan dan penjaminan kualiti perisian atau sistem yang dirangunkan. Fasa pengujian ini mewakili pakej dan secara spesifikasi, rekabentuk dan pengkodan yang dijalankan sepanjang pembangunan sistem. Selain itu fasa pengujian juga diperlukan untuk memastikan bahawa sistem yang dirangunkan dapat beroperasi mengikut kehendak yang ditetapkan. Secara ringkas, tujuan asas sesuatu pengujian ialah:

Bab 8 :

Pengujian Unit

Orang yang demikian, akan dapat yang baik dikatakan mampu mengenalpasti ralat-ralat yang tidak dapat dikesan semasa fasa analisis, rekabentuk atau fasa implementasi. Dalam perisian atau sistem, ralat-ralat atau pepijat boleh dibahagikan kepada 3 kelas iaitu:

1. Ralat Pengkodan

Ralat ini biasanya disebabkan oleh kekeliruan yang ditimbulkan oleh pemrogram (kod sumber) dan ralat ini boleh dikesan semasa proses kompilasi di mana pengkompilasi akan memberi arahan tentang ralat tersebut.

8.0 PENGUJIAN SISTEM

Pengujian adalah elemen kritikal yang penting dalam proses pengawalan dan penjaminan kualiti perisian atau sistem yang dibangunkan. Fasa pengujian ini mewakili penelitian semula spesifikasi, rekabentuk dan pengkodan yang dijalankan sepanjang pembangunan sistem. Selain itu fasa pengujian juga diperlukan untuk memastikan bahawa sistem yang dibangunkan dapat beroperasi mengikut keperluan yang dijangkakan. Secara amnya, tujuan asas sesuatu pengujian ialah:

- Mencari dan mengenalpasti ralat dan kesilapan di dalam kod sumber.
- Memastikan bahawa aplikasi yang akan dijalankan dapat berfungsi dengan lancar.
- Membetulkan sebarang ralat dan kesilapan yang dapat dikesan.

Oleh yang demikian, suatu pengujian yang baik dikatakan mampu mengenalpasti ralat-ralat yang tidak dapat dikesan semasa fasa analisis, rekabentuk atau fasa implementasi. Dalam pembangunan sesebuah perisian atau sistem, ralat-ralat atau pepijat boleh dibahagikan kepada 3 kelas iaitu:

- **Ralat Pengkompil**

Ralat ini biasanya disebabkan oleh kesilapan yang ditulis dalam aturcara (kod sumber) dan ralat ini boleh dikesan semasa proses kompilasi di mana pengkompil akan memberi amaran tentang ralat tersebut.

- **Ralat Masa Larian**

Ralat ini berlaku semasa proses perlaksanaan sistem atau ketika perisian atau sistem tersebut dilarikan. Contoh ralat jenis ini untuk membolehkan ianya berlaku adalah apabila sesuatu objek, kawalan atau pembolehubah di dalam kod sumber tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kesilapan pengaturcaraan atau berlakunya ketidaklogikan kepada kod sumber tersebut seperti pengulangan gelung tanpa had atau pembolehubah yang tidak ditakrifkan terlebih dahulu.

- **Ralat Logikal**

Ralat ini berlaku apabila program menghasilkan output luar jangkaan atau kesilapan output. Ini dapat dikesan sekiranya output yang terhasil berbeza dari yang dijangka atau yang telah direkabentuk. Pengesanan ralat ini boleh dilakukan sama ada oleh pengguna atau pengaturcara itu sendiri.

8.1 Strategi pengujian sistem

Strategi pengujian sistem yang teliti boleh menjadi pembantu terbaik dalam mengawal suatu proses pengujian sistem yang lengkap dan menyeluruh, selain meningkatkan keberkesanan fasa pengujian terhadap sistem yang dibangunkan. Beberapa

langkah diambil ketika menjalankan ujian terhadap Pakej Pembelajaran untuk kanak-kanak, antaranya:

- Menyenaraikan objektif-objektif pengujian
- Mereka bentuk kes-kes pengujian
- Menjalankan pengujian
- Menilai keputusan pengujian

Secara umum sistem ini melalui 4 peringkat pengujian utama, iaitu:

▪ **Ujian unit**

Ujian ini melibatkan komponen-komponen individu dalam aplikasi bagi memastikan bahawa ianya berfungsi dan beroperasi pada landasan yang betul. Setiap komponen diuji secara bersendirian tanpa mengambil kira komponen-komponen yang lain.

▪ **Ujian Modul**

Ujian ini merangkumi suatu pengujian terhadap komponen-komponen bebas dalam satu kelas yang sama, contohnya kawalan-kawalan tertentu, kelas objek, fungsi-fungsi abstrak dan sebagainya. Satu modul biasanya mengasingkan dirinya sendiri secara bebas tanpa memerlukan sokongan modul-modul lain.

▪ **Ujian Intergrasi**

Modul-modul yang telah diuji akhirnya digabungkan untuk membentuk subsistem. Subsistem-subsistem ini akan diuji secara berasingan, iaitu setiap subsistem akan melalui peringkat ujiannya yang tersendiri sehingga ia betul-betul telah menepati piawai dan rekabentuk yang ditetapkan.

▪ **Ujian Sistem**

Subsistem-subsistem yang telah diuji dan bebas ralat tadi akan dikumpulkan bersama untuk menghasilkan sebuah sistem yang lengkap. Sistem lengkap ini akan diuji sekali lagi secara keseluruhan dalam pelbagai aspek; dari peringkat terkecil sehinggalah kepada ujian peringkat tertinggi. Sebuah sistem lengkap yang telah melalui peringkat ujian keseluruhan dan bebas ralat ini bolehlah dikategorikan sebagai sistem yang sempurna dan sedia untuk dikeluarkan sebagai produk akhir untuk digunakan oleh pengguna.

8.2 Ujian Unit

Ujian Unit bagi Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak dijalankan secara berperingkat-peringkat. Setiap modul dalam sistem diuji secara bersendirian untuk memastikan agar komponen tersebut menjalankan tugas yang dikodkan kepadanya dengan betul. Berikut merupakan beberapa contoh pengujian unit yang telah dijalankan:

- i) untuk medan “Nama” pada kerangka Masukkan Nama, ia diuji supaya hanya huruf sahaja yang diterima. Jika angka, tanda bacaan atau ruang itu dibiarkan kosong, lalu butang “Masuk” ditekan, ia akan menjana kotak amaran.
- ii) Untuk setiap butang aktiviti, ia dipastikan akan membawa ke kerangka yang sepatutnya.
- iii) Untuk setiap butang arahan, ia juga dipastikan melaksanakan arahan yang sepatutnya.
- iv) Bagi setiap aktiviti yang mengandungi soalan kepada pengguna, segala jawapan yang betul dipastikan memapar jawapan “betul” dan segala jawapan yang salah akan memapar jawapan “Salah”

Selain itu ujian unit juga melibatkan pengujian terhadap kawalan-kawalan yang tersendiri dari komponen-komponen bebas seperti butang, menyimpan rekod dan sebagainya. Secara ringkas, ujian unit Pakej Pembelajaran Kanak-kanak merangkumi aspek-aspek berikut:

- Memastikan aliran maklumat yang tepat di mana unit-unit menerima input dan menghasilkan output seperti yang dijangkakan.
- Memastikan laluan (path) pelaksanaan yang betul telah diikuti dan kesempurnaan data dapat dikekalkan ketika pelaksanaan algoritma.

- Pengujian terhadap syarat-syarat sempadan agar dilaksanakan dengan betul dan tepat.
- Semua laluan yang tidak bersandar dalam struktur kawalan dijalankan untuk memastikan semua pernyataan dalam sistem dilaksanakan.
- Pengujian terhadap laluan pengawalan ralat untuk memastikan prosedur pengawalan ralat telah memantau ralat yang telah dijangka atau tidak dijangka dengan baik.

8.3 Ujian Modul

Ujian Modul dijalankan setelah selesai pembangunan satu-satu modul tertentu. Berikut merupakan beberapa contoh pengujian modul yang telah dijalankan:

- i) untuk setiap aktiviti yang telah disediakan sebagai contoh Mari Mengira, ia diuji supaya jawapan-jawapan yang disediakan adalah betul. Untuk aktiviti Mendengar Muzik, ia dipastikan audio yang dimainkan adalah bersinkroni dengan "movie" yang sedang dimainkan.
- ii) Untuk setiap laporan bagi aktiviti, ia dipastikan hanya selepas lima soalan dikemukakan, barulah laporan dijana.

Apabila setiap modul ini telah siap, ia akan diuji terlebih dahulu sebelum memulakan pembangunan modul seterusnya. Setiap modul dibangunkan secara bebas sebelum diintegrasikan setelah kesemua "movie" siap.

Secara ringkas, ujian modul bagi sistem ini melibatkan aspek-aspek seperti berikut:

- Di dalam semua modul, ujian dilakukan dengan memastikan agar setiap komponen atau unit dalam modul tersebut bertindak balas antara satu sama lain dengan betul dan menurut spesifikasi dalam fasa rekabentuk.
- Memastikan maklumat yang diterima masuk dalam modul adalah tepat dari sub-unitnya dan maklumat tersebut tidak menyimpang dari aturan asalnya.
- Pengujian terhadap tafsiran ralat yang betul dan tidak mengelirukan dalam satu-satu modul di mana ralat yang dikesan dapat ditangani oleh sistem pada masa yang cepat dan tepat.

8.4 Ujian Integrasi

Ujian intergrasi sistem ini melibatkan penggabungan modul-modul dalam aplikasi ini secara keseluruhan untuk melihat perkaitan dan perkongsian modul-modul tersebut beroperasi sebagai satu sistem. Secara amnya ia meliputi perkara-perkara berikut:

- Memastikan penggabungan antara modul dalam sistem tidak menyebabkan kehilangan data atau ralat pada setiap modul.

- Memastikan agar sub-unit, sub-fungsi dan sub-rutin beroperasi seperti yang dikodkan walaupun selepas bergabung dengan modul-modul lain.
- Memeriksa supaya integrasi tidak memudaratkan aplikasi atau menyebabkan berlakunya ralat masa larian.

Beberapa contoh ujian integrasi ialah seperti berikut:

- i) modul memilih aktiviti diintegrasikan dengan setiap modul aktiviti yang telah disediakan. Ia diuji supaya setiap pergerakan butang dari kedua-dua “movie” tersebut adalah betul dan membenarkan pergerakan dua hala antara kedua-dua modul tersebut.
- ii) Setiap audio yang terdapat pada mana-mana aktiviti yang telah diintegrasikan haruslah dimainkan pada masa yang tertentu sahaja iaitu ia cuma dimainkan pada kerangka tertentu dan akan berhenti selepas melepasi kerangka atau modul berkenaan.

8.5 Ujian Sistem

Ujian keseluruhan melibatkan proses pengujian yang berasingan daripada ujian-ujian yang dijalankan terhadap komponen, modul dan subsistem. Ini adalah kerana ujian keseluruhan sistem ini melibatkan penggabungan pelbagai aspek dalam pelaksanaan sistem termasuklah elemen-elemen perkakasan, perisian sokongan dan pelbagai aspek

yang berhubung kait dengan larian Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak setelah siap dibangunkan. Selain itu ujian ini juga menekankan aliran data yang tepat hasil dari gerak balas pengguna terhadap sistem yang dibangunkan.

Ujian keseluruhan sistem ini dijalankan setelah sistem selesai dibangunkan di mana setiap modul, rutin, subsistem, objek dan kawalan diuji secara berterusan pada sebuah sistem yang lengkap. Pada peringkat ini, prestasi sistem juga dinilai sama ada ianya mengganggu perjalanan sistem pengoperasian komputer pengguna atau tidak.

Selain itu, inilah waktu pengaturcara dapat menilai sama ada sistem telah memenuhi kesemua keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian yang telah direkabentuk dalam fasa rekabentuk. Ini termasuklah rekabentuk-rekabentuk lain seperti pangkalan data, antaramuka pengguna bergrafik, output dan sebagainya di mana pengaturcara dapat membandingkan antara analisis dan rekabentuk yang dijangka dengan hasil yang telah sempurna. Sebarang ralat yang timbul ketika pengujian ini cuba diatasi selain penambahan keperluan-keperluan baru mengikut peredaran semasa.

Secara keseluruhannya, ujian sistem dibahagikan kepada 2 peringkat ujian utama iaitu:

- Ujian Pemulihan

- Ujian ini dilakukan dengan sengaja mengadakan ralat operasi oleh pengguna bagi memastikan bahawa sistem dapat membetulkan ralat tersebut atau memberi mesej ralat kepada pengguna.
- Untuk ujian pemulihan, data yang sengaja dimasukkan dengan salah sebagai contoh ialah "122ina" pada medan "Nama" pada kerangka Masukkan Nama. Ia didapati menjana suatu kotak amaran yang bertulis "Nilai yang dimasukkan tidak sah. Sila masukkan semula nama anda"
- Contoh lain pula ialah untuk aktiviti Mari Mengeja. Ruang jawapan dibiarkan kosong lalu suatu kotak amaran telah dijanakan yang bertulis "Sila masukkan jawapan".
- Ujian Prestasi
 - Ujian ini dilakukan untuk memastikan prestasi sistem secara keseluruhan termasuk masa tindak balas dan kecekapan.
 - Didapati setelah pengujian prestasi dijalankan, didapati sistem ini memerlukan sejumlah ingatan kosong yang besar untuk dilarikan. Ini adalah memandangkan saiz audio yang digunakan dalam sistem ini adalah agak besar.

8.6 Analisis Pengujian

Setelah kesemua pengujian dijalankan, Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak kini siap untuk digunakan. Setelah digunakan, ujian penerimaan pengguna dapat dilakukan dengan mendapatkan maklum balas daripada pengguna yang menggunakan sistem ini.

Bab 9:

Penyelenggaraan

dan Perbaikan

Bab 9:

Penyelenggaraan

dan Penilaian

9.0 PENYELENGGARAAN DAN PENILAIAN

Pembangunan sistem dikatakan telah lengkap sekiranya sistem tersebut telah pun beroperasi iaitu telah digunakan oleh pengguna dalam persekitaran sebenar. Apa sahaja kerja-kerja melibatkan sistem selepas ianya beroperasi dianggap sebagai penyelenggaraan. Satu perbezaan antara sistem perkakasan dan sistem perisian adalah, sistem perisian dibangunkan untuk berhadapan dengan perubahan. Ini bermaksud sistem yang dibina akan mengalami evolusi dari semasa ke semasa.

Tahap perubahan atau evolusi pada sesebuah sistem melibatkan perubahan-perubahan daripada yang terkecil seperti ralat pada kod sumber sehinggalah perubahan-perubahan yang lebih besar seperti pembetulan spesifikasi dan penyediaan keperluan tambahan ke dalam sistem tersebut.

Secara keseluruhannya, bab ini akan menerangkan tentang penyelenggaraan yang dilakukan terhadap sistem ini bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan dan situasi yang lancar serta memuaskan. Selain itu bab ini juga akan membuat penilaian terhadap sistem dari sudut pandangan pengaturcaraan dan pembangun sistem. Penilaian ini merangkumi huraian tentang kelebihan dan keterbatasan sistem di samping peningkatan yang diharapkan pada masa akan datang.

9.1 Penyelenggaraan Sistem

Aktiviti-aktiviti dalam penyelenggaraan sistem biasanya memfokus kepada 4 aspek dalam evolusi sistem, iaitu:

- Mengekalkan kawalan ke atas fungsi harian sistem
- Mengekalkan kawalan terhadap pengubahsuaian sistem
- Melengkapkan kewujudan fungsi-fungsi yang boleh diterima
- Menghalang prestasi sistem dari merosot ke tahap yang lebih rendah

Sementara dalam fasa penyelenggaraan bagi sistem ini, teknik-teknik berikut akan dijalankan sekiranya perlu.

9.1.1 Penyelenggaraan Pembetulan (corective maintenance)

Penyelenggaraan ini dilakukan setelah menguji hasil dan output pada sistem. Ralat-ralat yang ada mungkin akan ditemui oleh pengguna akhir dan akan melaporkan ralat-ralat tersebut kepada pengaturcara. Maka penyelenggaraan yang dilakukan hasil daripada laporan oleh pengguna ini dikatakan sebagai penyelenggaraan pembetulan. Penyelenggaraan jenis ini biasanya melibatkan ralat pada peringkat pengkodan dan kesilapan pada rekabentuk atau ketika menganalisis keperluan fungsian atau bukan fungsian.

9.1.2 Penyelenggaraan Penyesuaian (adaptive maintenance)

Penyelenggaraan ini dilakukan dengan melibatkan komponen atau bahagian yang saling berkait di dalam sistem aplikasi. Ini bermakna, sekiranya wujud sebarang pembetulan pada modul-modul atau bahagian-bahagian tertentu dalam sistem, maka penyesuaian juga perlu dilakukan terhadap bahagian-bahagian yang mempunyai pertalian dan hubungkait dengan bahagian yang mengalami pembetulan.

9.1.3 Penyelenggaraan Penyempurnaan (perfective maintenance)

Penyelenggaraan penyempurnaan mungkin berguna pada masa akan datang kerana kaedah penyelenggaraan jenis ini bukan berdasarkan pada faktor ralat dan kesilapan. Ia biasanya dijalankan apabila berlakunya penambahan keperluan fungsian atau bukan fungsian pada sistem untuk menghasilkan sistem yang lebih baik dan berkualiti.

9.1.4 Penyelenggaraan Pencegahan (preventive maintenance)

Penyelenggaraan pencegahan mempunyai tujuan yang sama dengan penyelenggaraan penyempurnaan tetapi lebih menjurus kepada perubahan beberapa aspek dalam sistem bagi mencegah kesilapan dan ralat. Ini mungkin melibatkan peningkatan dalam proses pengawalan ralat dan pengemaskinian kes-kes penyataan ujian bagi memastikan sistem mampu mengawal sebarang kemungkinan yang timbul. Penyelenggaraan ini mungkin dijalankan sekiranya pengaturcara dapat mengesan ralat yang tidak memberi apa-apa kesan terhadap sistem tetapi berpotensi besar untuk berkembang sebagai ralat yang bakal mengugat output dan operasi sistem.

Walau bagaimanapun, disebabkan sistem ini baru sahaja siap dibangunkan dan belum menjalani pengujian yang sepenuhnya oleh pengguna akhir di samping faktor kekangan masa dan pembangunan, maka proses penyelenggaraan sistem tidak dapat dileruskan buat masa ini. Namun, cadangan penyelenggaraan yang dibentangkan sebelum ini diharapkan mampu memberi gambaran kasar bagaimana sistem ini boleh diselenggara pada masa akan datang.

9.2 Dokumentasi

Dalam menjalankan fasa penyelenggaraan pada masa hadapan, perkara utama yang menjadi rujukan pengaturcara atau mereka yang menjalankan proses penyelenggaraan ini adalah dokumentasi. Dua jenis dokumentasi telah disediakan sebagai panduan utama terhadap pengoperasian sistem ini, iaitu:

- **Manual Pengguna**

Manual pengguna merupakan dokumentasi bertulis lengkap yang disediakan.

Manual ini dibuat khas untuk pengguna Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak dan juga untuk kegunaan pentadbir sistem.

- **Dokumentasi dalaman sistem**

Dokumentasi yang dilakukan kepada kod sumber ini ditujukan kepada mereka yang berkenaan (sesiapa yang memerlukan kefahaman lengkap ketika membaca kod sistem ini). Dokumentasi ini lebih menjurus, ringkas dan padat.

9.3 Masalah yang dihadapi

Secara keseluruhannya, sistem ini telah dapat dibangunkan mengikut spesifikasi dan objektif yang telah ditetapkan. Namun begitu terdapat beberapa masalah yang telah timbul dan perlu dibincangkan. Masalah-masalah tersebut ialah:

i) masalah ingatan dan perkakasan

- didapati untuk membangunkan sistem ini, ia memerlukan sebuah komputer yang mempunyai saiz ingatan dan pemproses yang terkini. Ini adalah kerana saiz media terutamanya audio adalah sangat besar. Namun begitu, ini tidak dapat saya sediakan memandangkan kos yang tinggi. Ini menyebabkan kebanyakan lagu yang telah saya sediakan untuk sistem ini terpaksa dipendekkan dan dikurangkan bilangannya.

ii) masalah grafik yang kurang menarik

- masalah grafik yang kurang menarik ini adalah kerana kebanyakan grafik diambil dari internet. Maka kualitinya adalah tidak terjamin dan adakalanya ia perlu diedit dan sebagainya. Hasil grafik yang telah diedit selalunya tidak menarik dan berlainan dari bentuk asalnya.

iii) masalah perekodan suara

- suara arahan yang direkod untuk sistem ini adalah kurang berkualiti. Ini adalah kerana ia direkod menggunakan Sound Recorder. Suara sekeliling juga mengganggu proses merekod audio.

iv) masalah mendapatkan keperluan dari pengguna

- sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, masalah untuk mendapatkan keperluan dari pengguna adalah yang paling utama dan agak sukar untuk diselesaikan. Ini adalah kerana kanak-kanak sukar menyatakan keperluan mereka.

9.3 Cadangan penyelesaian

Berikut merupakan cadangan penyelesaian bagi setiap masalah yang telah saya nyatakan:

i) mendapatkan perkakasan dan pemproses yang sesuai

- Ingatan bagi perkakasan yang telah sedia ada haruslah ditambah dan pemproses haruslah yang terkini dan menyokong pengaturcaraan multimedia. Sebagai contoh, pada zaman sekarang pemproses yang terkini ialah Pentium IV.

ii) menggunakan grafik dari perisian yang sedia ada

- untuk memperbaiki grafik yang digunakan untuk sistem ini, kita harus menggunakan grafik yang telah sedia ada di dalam perisian grafik masakini. Sebagai

contoh, perisian yang mengandungi Clipart dan sebagainya. Selain itu, kita juga boleh menggunakan perisian grafik yang sesuai untuk mengedit imej dan grafik tersebut.

iii) guna perisian merekod audio yang sesuai

- audio yang direkod boleh ditambah kualitinya jika perisian yang lebih sesuai digunakan. Selain itu, suasana persekitaran dan perkakasan untuk merekod juga turut mempengaruhi kualiti audio. Seeloknya lakukan perekodan dengan suasana yang tenang dan senyap.

iv) mendapat keperluan dari sumber-sumber lain

- kanak-kanak sememangnya tidak mampu menyatakan keperluan sistem secara tepat.

Oleh itu, saya telah mendapat alternatif lain dengan bertanya kepada individu-individu lain yang rapat dengan kanak-kanak tersebut seperti ibu bapa dan guru. Selain itu, saya juga telah merujuk ke internet.

9.4 Kelebihan Sistem

Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak mempunyai beberapa ciri serta sifat istimewa dan kelebihan yang tersendiri, antaranya:

i) Antaramuka yang menarik

- Sistem ini menyediakan antaramuka pengguna menarik yang menggunakan warna ceria ramah pengguna dan mudah digunakan. Struktur rekabentuk antaramuka yang menarik dan berwarna-warni dijangka mampu memikat hati kanak-kanak.

ii) Prosedur penggunaan yang mudah bagi pengguna

- Sistem ini direkabentuk untuk memudahkan pengguna untuk menggunakan setiap aktiviti yang disediakan di samping arahan yang jelas dan ringkas.

iii) Penggunaan audio dan animasi untuk penerangan

- penggunaan kedua-dua media ini dapat meningkatkan kefahaman kanak-kanak tentang penerangan samada bagi suatu aktiviti atau untuk sistem itu sendiri.

iv) mengelakkan pengguna keluar dari sistem secara tidak sengaja

- sistem ini direkacipta untuk mengelakkan pengguna kanak-kanak keluar dari sistem dengan tidak sengaja. Jika kanak-kanak tertekan butang "Balik" di kerangka Menu Utama, ia akan memaparkan tettingkap yang meminta pengesahan semula oleh kanak-kanak samada ingin keluar atau tidak dari sistem tersebut.

v) menjana laporan pencapaian kanak-kanak

- setiap aktiviti yang memberi soalan kepada kanak-kanak, suatu laporan akan dijanakan. Ia bertujuan untuk menilai prestasi kanak-kanak terbabit. Format penjaanan laporan telah dinyatakan dalam bahagian sebelum ini.

vi) aktiviti yang sesuai

- setiap aktiviti yang disediakan untuk sistem ini telah diakui kesesuaiannya untuk kanak-kanak dan bersesuaian untuk peringkat umur 3-6 tahun.

vii) penggunaan semula kod-kod yang sedia ada

- ada kod-kod di dalam sistem ini merupakan koda yang telah diguna semula dari sistem lain. Penggunaan semula kod adalah memudahkan dan memendekkan masa yang diperlukan untuk membangunkan sistem ini.

viii) penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

- seperti yang telah saya nyatakan dalam keperluan sistem, sistem ini akan dibangunkan menggunakan Bahasa Melayu. Ini menjadikan sistem ini istimewa memandangkan jarang terdapat perisian pendidikan kanak-kanak dalam Bahasa Melayu di pasaran.

9.5 Keterbatasan sistem

Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak juga mempunyai beberapa kelemahan dan keterbatasan sebagai sebuah sistem yang baru dibangunkan, antaranya ialah:

i) Audio yang kurang berkualiti

- Seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, sistem ini menggunakan audio yang kurang berkualiti.

ii) Agar sukar dimajukan pada masa hadapan

- Sistem ini telah menggunakan pelbagai grafik dan imej yang berwarna-warni. Imej dan grafik tersebut telah disusun dengan teliti dalam "score" sehingga menghasilkan sebuah animasi yang menarik. Namun begitu agak sukar untuk dimajukan pada masa hadapan memandangkan pengaturcara lain haruslah menyusun imej dan grafik berdasarkan 'pattern' yang telah ditetapkan.

iii) Aktiviti-aktiviti yang terhad

- aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam sistem ini agak terhad iaitu hanya empat aktiviti utama iaitu mengenal huruf, mengenal angka dan bentuk, mewarna dan mendengar muzik. Ia pula mengandungi lebih kurang sembilan sub-aktiviti-sub-aktiviti.

9.6 Peningkatan sistem pada masa hadapan

Sebagai usaha mengatasi kelemahan dan keterbatasan sistem, berikut disenaraikan

beberapa cadangan peningkatan yang boleh dilakukan pada masa hadapan.

- i) Pengurus sistem ini perlu mempertimbangkan aktiviti-aktiviti yang perlu ditambah ke dalam sistem ini. Untuk sistem ini buat masa kini cuma terdapat

lebih kurang sembilan aktiviti sahaja. Oleh itu, pertambahan aktiviti amatlah digalakkan.

- ii) Pengurus sistem ini juga perlu mempertimbangkan untuk memperbaiki media-media yang sedia ada terutama audio.

9.7 Pengalaman yang diperolehi

Banyak perkara-perkara yang dipelajari semasa menyiapkan sistem ini semenjak dari peringkat permulaan iaitu peringkat perancangan hingga ke peringkat penilaian dan penyelenggaraan. Perkara utama yang diperolehi adalah mengenai pengaturcaraan multimedia yang sememangnya teknik yang terkini dan terbaru pada zaman ini. Saya berpendapat ia adalah amat mencabar lebih-lebih lagi saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman menggunakan aplikasi Macromedia Director 8.0. Dengan membangunkan sistem ini, saya dapat menimba pengalaman untuk membangunkan suatu aplikasi multimedia. Perkara ini adalah lebih mencabar memandangkan saya perlu membangunkan sebuah perisian kanak-kanak kerana saya tidak mempunyai panduan yang khusus untuk merekabentuk sistem ini. Malah untuk menentukan antaramuka juga adalah menjadi terlalu rumit buat saya.

Selain itu juga pengalaman yang dapat dikutip adalah membangunkan sebuah perisian dari peringkat awal sehinggalah akhir secara berseorangan. Ini memerlukan

kesabaran dan komitmen yang tinggi dalam memastikan segala tugas ini dapat disempurnakan dengan lengkap. Pengalaman ini amat berharga dalam situasi pekerjaan kelak.

Akhir sekali kursus ini merupakan suatu aplikasi pembelajaran dalam kursus Kejuruteraan Perisian (WXES3204) tentang langkah-langkah pembangunan sesuatu produk dan secara tak langsung memperolehi kemahiran dalam menulis laporan.

9.8 Ringkasan

Dalam bab penilaian sistem, perkara yang dapat diringkaskan adalah segala masalah dan kekurangan yang dijangkakan adalah melalui pemerhatian pembangun sendiri. Walau bagaimanapun cadangan-cadangan digariskan dapat membantu dalam mengintegrasikan sistem ini kelak.

Keterbatasan sistem biasanya kurang dapat dikesan oleh pembangun sistem. Oleh itu penilaian sistem ini memerlukan penglibatan pengguna akhir.

9.9 Kesimpulan projek

Projek membangunkan Pakej Pembelajaran untuk Kanak-kanak adalah merupakan satu sistem yang dibangunkan khusus untuk pembelajaran kanak-kanak berumur 3 hingga 6 tahun. Ia menuntut daya kreativiti yang tinggi dari pengaturcara dari

setiap fasa pembangunan sistem. Hasil akhir sistem ini merupakan sistem terbaik yang mampu dilakukan oleh saya berdasarkan pengetahuan dan kreativiti saya sendiri.

Semenjak dari awal perancangan sistem ini dijalankan, sistem ini dibangunkan adalah bertujuan untuk memberi pembelajaran kepada kanak-kanak dengan mengaplikasikan multimedia supaya hasilnya mampu menarik minat kanak-kanak. Perisian ini telah dipilih untuk dibangunkan menggunakan Bahasa Melayu memandangkan kekurangan perisian pendidikan awal kanak-kanak yang dihasilkan menggunakan bahasa ibunda.

Sebelum ini pembelajaran adalah menggunakan cara biasa iaitu dengan menggunakan papan hitam dan buku latihan. Namun dengan adanya perisian ini diharap dapat mengubah paradigma kanak-kanak, guru dan ibu bapa dalam cara pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.


10.0 Lampiran

JADUAL PEMBANGUNAN SYSTEM																											
MODEL 1: MENDAPATKAN MAKLUMAT							Jun							Julai							Ogos						
1.1 Pemerhatian																											
1.2 Mengedarkan soalan (questionnaire)																											
1.3 Menemuramah pengguna																											
1.4 Kajian melalui internet																											
1.5 Membaca buku/akhbar																											
MODEL 2: ANALISIS DAN REKABENTUK																											
2.1 Analisis maklumat																											
2.2 Merekabentuk antaramuka																											
2.3 Merangka rekabentuk sistem																											
2.4 Memilih bahasa pengaturcaraan yang sesuai																											
MODEL 3: LAPORAN																											
3.1 Pembentangan tesis																											
3.2 Menyiap dan menghantar laporan																											


Rajah 10.1 Jadual Pembangunan Sistem

JADUAL PEMBANGUNAN SYSTEM												
		November			Disember			Januari			Februari	
MODEL 1: PELAKSANAAN SISTEM												
1.1	Pengkodan sistem											
1.2	Alatan pembangunan											
1.3	Dokumentasi program											
1.4	Manual pengguna											
MODEL 2: PENGUJIAN SISTEM												
2.1	Strategi pengujian sistem											
2.2	Pengujian unit											
2.3	Pengujian modul											
2.4	Pengujian sistem											
MODEL 3: PENILAIAN SISTEM												
3.1	Masalah yang dihadapi dan langkah penyelesaiannya											
3.2	Penilaian sistem oleh pengguna											
3.3	Kelebihan sistem											
3.4	Peningkatan sistem pada masa depan											
3.5	Pengalaman yang diperolehi											
3.6	Kesimpulan projek											

Rajah 10.1 .Jadual Pembangunan Sistem



Rajah 10.2: Data Flow Diagram



Rajah 10.3: Pembangunan Sistem Jackson (Jackson System Development)

1.0 Manual Pengguna


1.1 Muka depan



Berikut merupakan muka depan sistem ini. Terdapat empat butang pada muka depan iaitu:

- i) Butang Main – membawa pengguna ke dalam sistem
- ii) Butang Keluar – membawa pengguna keluar terus dari sistem
- iii) Butang Bantu – memaparkan pengguna manual pengguna
- iv) Butang Buku Kerja - memaparkan buku kerja. Pengguna boleh mencetak buku kerja ini.


1.2 Masukkan nama



Berikut merupakan antaramuka masukkan nama. Pada kerangka ini, pengguna akan diminta untuk memasukkan nama pada ruang yang telah disediakan. Penerangan tentang butang dan medan adalah seperti berikut:

- i) Butang Masuk – membawa pengguna ke kerangka yang seterusnya
- ii) Medan “nama” – Pengguna akan diminta menaip namanya di ruang ini.
- iii) Medan “senarai nama” – memaparkan nama-nama pengguna yang pernah menggunakan sistem sebelum ini. pengguna boleh memilih samada ingin menaip namanya atau memilih dari senarai nama.
- iv) Butang balik – akan membawa pengguna keluar dari sistem. Tetapi sebelum itu, suatu tettingkap akan dipaparkan meminta kepastian.


1.3 Menu Utama



Berikut merupakan kerangka Menu Utama. Dalam kerangka ini terdapat beberapa butang arahan dan aktiviti yang telah disediakan.

- i) A1 – Butang aktiviti mari mengenal angka dan bentuk. Butang ini akan memaparkan kerangka Aktiviti tersebut.
- ii) A2 – Butang aktiviti mari mengenal huruf. Butang ini akan memaparkan kerangka aktiviti mengenal huruf.
- iii) A3 – Butang mari mendengar muzik. Butang ini memaparkan kerangka aktiviti mendengar muzik.
- iv) A4 – Butang mari mewarna. Butang ini memaparkan kerangka aktiviti mewarna.
- v) B1 – Butang hentikan pengenalan. Jika pengguna tidak mahu mendengar pengenalan tentang butang-butang lain, tekan butang ini.
- vi) B2 – Butang-Balik. Butang ini akan memaparkan tettingkap yang akan bertanya kepastian pengguna untuk keluar dari sistem.
- vii) B3- Butang Laporan – pengguna boleh menekan butang ini untuk melihat laporan pencapaian mereka.
- viii) B4 – Butang Soalan – butang ini akan memaparkan manual pengguna.
- ix) B5 – Butang Ulang Arahan – membenarkan arahan untuk kerangka ini diulang.


1.4 Aktiviti



Berikut merupakan sebuah contoh kerangka Aktiviti. Memandangkan ada empat aktiviti yang disediakan dan fungsi setiap butang adalah hampir sama, maka Cuma satu sahaja contoh kerangka dipaparkan.

- Sub-aktiviti- butang-butang tersebut akan membawa pengguna ke kerangka aktiviti yang telah dipilih.
- B2 – sama seperti B2 yang telah diterangkan di atas. Namun begitu, butang ini akan membawa pengguna balik ke Menu Utama dahulu sebelum boleh keluar sepenuhnya dari sistem.
- B3 – sama seperti butang B3 di atas.
- B4 – sama seperti butang B4 di atas.
- B5- sama seperti butang B5 di atas namun begitu ia lebih bergantung kepada kedudukan kerangka.

1.4.1 Sub-aktiviti



Berikut merupakan suatu contoh sub-aktiviti yang terdapat dalam aktiviti. Untuk sub-aktiviti ini, ia mengarahkan kanak-kanak untuk mengira berapa jumlah haiwan yang terdapat di dalam mimpi Mat.

- i) Haiwan yang perlu dikira: ini merupakan arahan bagi aktiviti ini iaitu mengira haiwan yang terdapat dalam mimpi Mat.
- ii) Pilihan jawapan: tekan butang ini yang mewakili jumlah haiwan dalam mimpi Mat. Sebagai contoh untuk kerangka ini jawapan adalah 1. Maka pengguna perlu menekan nombor 1.
- iii) B2: sama fungsi dengan butang B2 sebelum ini tetapi ia memaparkan muka "Aktiviti" jika ditekan.

1.4.1.1 Jawapan "Betul"




"Movie" ini akan dipaparkan jika jawapan adalah betul

1.4.1.2 Jawapan "Salah"



"Movie" ini akan dipaparkan jika jawapan adalah salah.

1.4.1.3 Laporan penilaian



Berikut merupakan kerangka Laporan Penilaian. Tujuan kerangka ini ialah memaparkan pencapaian seseorang pengguna.

- i) L1: ini merupakan medan "jwpn betul". Ia akan memaparkan berapa banyak jawapan yang telah dijawab dengan betul
- ii) L2: ini merupakan medan "jmlh soalan". Ia akan memaparkan jumlah soalan yang telah dijawab. Ia mempunyai had sebanyak 5 iaitu apabila ia berjumlah 5, laporan penilaian ini akan dipaparkan.
- iii) L3: ini merupakan medan "jmlh jwpn betul". Ia akan memaparkan jumlah keseluruhan soalan yang telah dijawab dengan betul.
- iv) L4 : ini merupakan medan "jmlh ksrhn soalan". Ia akan memaparkan jumlah keseluruhan soalan yang telah dijawab.

Contoh skrip yang telah digunakan:

Skrip untuk mengira jumlah soalan dan lain-lain untuk menjana laporan

```
on bilSoalan -- mengira jumlah bilangan soalan
  global bilSoalan
  bilSoalan = bilSoalan + 1
end
```

```
on jwbBetul -- mengira jumlah soalan yang dijawab dengan betul
  global jwbBetul
  jwbBetul = jwbBetul + 1
end
```

```
on kiraJumlah -- kira bilangan soalan yg telah dikemukakan.
  jumlah yg diperlukan adalah 5
  global kiraJumlah
  kiraJumlah = kiraJumlah + 1
end if
end
```

Skrip untuk soalan dan jawapan.

```
on mouseUp me
  global jwbBetul, bilSoalan, pilih, kiraJumlah -- untuk
  menggunakan fungsi jwbBetul dan bilSoalan
  if member("ayam").text = "y" then -- jika user masukkan
  huruf y
    jwbBetul -- panggil fg jwbBetul untuk menambah bilangan
    jawapan yang dijawab dengan betul
    bilSoalan -- panggil fg bilSoalan utk menambah bilangan
    soalan
    play frame 1 of movie "betuleja"
    kiraJumlah -- mengira jumlah soalan. had adalah 5
  else
    bilSoalan -- fg ini masih dipanggil walaupun jawapan
    salah
    play frame 1 of movie "salaheja"
    kiraJumlah -- mengira jumlah soalan. had adalah 5
  end if
  if kiraJumlah < 5 then
    pilih
  else
    global laporan
    laporan = window ("laporaneja")
    laporan.visible = true
    laporan.windowType = 2
    open laporan
  end if
end if
```



```
member("ayam").editable = TRUE  
end
```

11.0 Rujukan

University of Malaya

1. Witten, J.L., Bentley, J.D. and Darnan, K.C., "System Analysis and Design Method", Edisi kelima, New York, McGraw-Hill, 2001, 724 pages
2. Davis, A.M., "Software Requirements: Objects, Functions and States", United State of America, Prentice-Hall, 1993
3. Yahya, R., "Kaedah Montessori", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Unisa, 1994
4. Olson, D.L., "Introduction to Information Systems Project Management", Singapore, Irwin McGraw-Hill, 2001

5. See, C.C., "Mengenal dan Menggunakan Visual Basic 6", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Federal Publications, 2001

11.0 Rujukan

6. Sempati, P., "Software Engineering Management Methods", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Sejaka Publishing, 2000

7. Ismail, M.T., "Pendidikan Awal Kanak: Pendidikan Tamam Bimbingan Kanak-kanak Islam Pusa", Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1989

8. Jufar, S., "Memahami Bersama Kerasulan", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Pencetakan Suria, 1995

9. Taylor, J., "Reading and Writing in the First School", Edisi keempat, London, Unwin Education Books, 1979

10. A.Samad, R.S., "Menzahirkan Minat Pembelajaran", Dewasa Budaya, Mei 19, 1997

11. Haiman Langgudang, "Pendidikan Islam: Satu Analisis Sosiso-psikologikal", Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1979

- i. Whitten, J.L., Bentley, L.D. and Dittman, K.C, " System Analysis and Design Method", Edisi kelima, New York, McGraw-Hill, 2001, 724 pages
- ii. Davis, A.M., " Software Requirements: Objects, Functions and States", United State of America, Prentice-Hall, 1993
- iii. Yahya, R., "Kaedah Montessori", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Utusan, 1996
- iv. Olson, D.L, "Introduction to Information Systems Project Management", Singapore, Irwin McGraw-Hill, 2001
- v. See, C.C, "Mengenali dan Mengguna Visual Basic 6", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Federal Publications, 2001
- vi. Sellapan, P, "Software Engineering Management and Methods", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Sejana Publishing, 2000
- vii. Idrus, M.T, " Pendidikan Awal Kanak-kanak: Pendekatan Taman Bimbingan Kanak-kanak Islam Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia.", Pulau Pinang, 1989
- viii. Jaafar, S., " Membesar Bersama Kesusasteraan", Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Pencetakan Surya, 1995
- ix. Taylor, J, "Reading and Writing in the First School", Edisi keempat, London, Unwin Education Books", 1979
- x. A.Samad, R.S, "Mencambah Minat Pembelajaran", Dewan Budaya, Jilid 19, 1997
- xi. Hassan Langgulung, "Pendidikan Islam: Satu Analisa Sosio-psikologikal", Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1979

- xii. Montessori, M., "Spontaneous activity in education", Stocken Books Inc., 1965
- xiii. www.kidmatter.co.uk
- xiv. www.kids.unlimited.htm
- xv. Brophy, J.E., Good, T.L, Nedler, S.E, "Teaching in the Preschool", United State of America, Harpenel Row Publisher, 1975
- xvi. Read, K., Patterson, J., "The Nursery School And Kindergarten", Edisi Ketujuh, United State of America, Holt, Rinehart and Winston, 1980.
- xvii. Beaty, J.J, "Skills for Preschool Teachers", Edisi Keenam, United State of America, Prentice Hall, 2000
- xiii. Roberts, J., Gross, P, "Director Demystified 7 The Official Guide to Director 7 Shockwave Internet Studio", United State of America, Macromedia Press, 2001, 1183 pages